



BANTU...
Nor
Hakimah
Harun (kiri)
dan
Maimunah
membantu
Mohd Azrul
Amri
mencuba
pakaian
baru.

Pelajar USIM bantu OKU

SUBANG: Seramai 39 pelajar jurusan Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi sukarelawan membantu golongan orang kurang upaya (OKU) dari lima Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di Selangor.

Pelajar terbabit menjalankan misi jiwa murni dengan membantu golongan kurang bernasib baik itu ketika menghadiri sesuatu acara termasuk majlis penyampaian sumbangan Ai-

dilfitri di sini, semalam.

Pada majlis itu, seramai 100 OKU dari lima PDK di Selangor menerima sumbangan wang, pakaian, raya, kuih untuk sama-sama merayakan Aidilfitri selain kelengkapan persekolahan.

Program berkenaan dianjurkan Badan Amal Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) bersama Badan Amal Isteri-isteri Wakil Rakyat Selangor (Balkis) dan disempurnakan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah.